

# **TADABBUR AL-QURAN: IMPLIKASINYA DALAM MENINGKATKAN SPIRITUAL PEMBACA AL-QURAN**

**Oleh:**

**Rohana Zakaria (KUIS)  
Fatin Nazmin Mansor (KUIS)  
Khairul Anuar Mohamad (USIM)**

## ***Abstrak***

*Al-Quran adalah petunjuk yang benar, cahaya dan peringatan bagi orang yang mengambil manfaat darinya. Sebagai umat Islam, kita seharusnya memahami dengan jelas bahawa al-Quran bukanlah sebuah kitab yang hanya dibaca, namun ia juga perlu difahami, ditadabburi dan dihayati dalam kehidupan seharian. Justeru, kertas kerja ini bertujuan mengupas makna tadabbur dan kepentingannya. Seterusnya membincangkan implikasi tadabbur al-Quran khususnya dalam meningkatkan spiritual pembaca al-Quran. Hasilnya membuktikan bahawa daripada proses tadabbur ini akan melahirkan seorang muslim yang berjiwa hamba. Jiwanya sebagai hamba Allah swt, sehingga dapat mencapai kekuatan spiritual yang paling unggul. Hatinya terasa hampir dengan Allah swt dan menjadi lebih tenang serta mendatangkan rasa rindu (wujudan) kepada keesaan dan kebesaran Tuhan. Semoga kertas kerja ini dapat menyumbang ke arah peningkatan memahami keutamaan dan kepentingan tadabbur al-Quran serta implikasinya, di samping kita dapat mengamalkan serta menghidupkan amalan tadabbur dalam setiap diri kita, sebagaimana yang dituntut oleh Allah swt. Dan akhirnya melahirkan muslim yang unggul dan cemerlang kesan daripada ransangan al-Quran.*

**Kata kunci:** *Tadabbur al-Quran, Implikasi tadabbur*

## PENDAHULUAN

Allah s.w.t mengurniakan nikmat dan rahmat dengan mengutuskan rasul-Nya dan menurunkan kitab al-Quran yang tidak ada sebarang keraguan dalam kandungannya dari dulu sehingga kini. Kitab wahyu yang diturunkan Allah s.w.t kepada rasul-Nya ini dipenuhi mukjizat dan keagungan yang tiada tolak bandingnya berbanding kitab lain. Ia juga sebagai sumber ilmu bagi umat Islam dan petunjuk jalan kebenaran serta kitab kecemerlangan. Firman Allah swt:

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا  
كَبِيرًا

Maksudnya: *Sesungguhnya Al-Quran ini memberi petunjuk ke jalan yang betul dan memberikan berita yang mengembirakan orang-orang yang beriman yang mengerjakan amal-amal soleh, bahawa mereka beroleh pahala yang besar.*

(al-Isra' 17:9)

Menurut Imam al-Qurtubi menyatakan bahawa kalimah 'aqwam' bermaksud jalan yang paling benar, paling adil dan paling tepat<sup>1</sup>. Al-Quran merupakan sumber nilai dan sumber kekuatan spritual umat Islam di sepanjang sejarah. Mereka yang menjadikan al-Quran sebagai sumber rujukan, sudah pasti akan membuahkan kesejahteraan dan kecemerlangan

Sesungguhnya al-Quran mampu membentuk jati diri yang teguh, menjadikan manusia terdidik dengan akhlak dan budi pekerti tinggi, rajin berusaha dan berilmu tinggi. Kefahaman terhadap al-Quran merupakan suatu anugerah daripada Allah swt. Ia dianugerahkan kepada mereka yang sungguh-sungguh mempelajari isi kandungan al-Quran. Namun pengamalan membaca al-Quran beserta *tadabbur* amat kurang dititikberatkan pada masyarakat kini. Di mana al-Quran dibaca hanya sekadar mementingkan khatam tanpa disusuli kefahaman dan penghayatan dalam kehidupan<sup>2</sup>.

---

<sup>1</sup> Al-Imam al-Qurtubi 2003. *al- Jami' li Ahkam al-Quran* .Tahqiq Hisyam Sameer al-Bukhari. Dar 'Alam al-Kutub Riyad.

<sup>2</sup> Nurul Zakirah Mat Sin, 2014 : Definisi Qawa'id Al-Tadabbur : Satu Analisis Perbandingan Dengan Qawa'id Al-Tafsir.

Oleh itu, penulisan ini akan membincangkan tentang kepentingan *tadabbur* dan implikasinya dalam meningkatkan spiritual pembaca al-Quran, agar ia boleh dihayati dan diamalkan dalam kehidupan.

## DEFINISI TADABBUR

Kalimah *tadabbur* dari aspek etimologi adalah berasal daripada Bahasa Arab di mana kata dasarnya adalah *dabbara* (دبر) yang membawa maksud mengikut daripada belakang<sup>3</sup>. Menurut ahli bahasa, Ibn Faris: *dabbara* (دبر) memberi maksud penghujung bagi sesuatu<sup>4</sup>.

Manakala *tadabbur* membawa maksud melihat akibat atau kesan daripada sesuatu perkara atau perbuatan yang dilakukan. *Tadabbur* adalah pemerhatian, penelitian, renungan serta pengkajian yang dilakukan terhadap makna al-Quran. Proses ini berlaku melalui penelitian, renungan dan berfikir terhadap hakikat sesuatu atau sebahagiannya memerhatikan perkara sebaliknya<sup>5</sup>.

Menurut al-Laahim<sup>6</sup> *tadabbur* merupakan penghayatan menyeluruh yang boleh sampai pada makna-makna tersirat dari kalamullah dan peringatan-peringatan yang mendalam dan terperinci. Manakala menurut al-Qardhawi bahawa *tadabbur* adalah memikirkan di sebalik sesuatu perkara yakni akibatnya. Ia hampir dengan makna tafakkur. Namun makna tafakkur adalah menggerakkan hati atau memikirkan dalil Manakala *tadabbur* menggerakkan fikiran tentang akibatnya<sup>7</sup>. Selain itu, makna *tadabbur* menurut al-Zuhaili adalah merenungkan makna-maknanya dan meneliti kandungannya<sup>8</sup>.

Menurut Imam as-Suyuti, *tadabbur* al-Quran bermaksud memerhatikan perintah suruhan dan larangan di dalam al-Quran serta berusaha untuk menerima dan beramal

---

<sup>3</sup> Kamus Dwibahasa Oxford Fajar 2008. Edisi keempat (dikemaskini). Oxford Fajar sdn. Bhd

<sup>4</sup> Ibn Faris. *Mu'jam Maqayis Lughah* 1991

<sup>5</sup> Mahmud al-Alusi. *Ruh al-Ma'ani fi al-Tafsir al-Quran al-Adzim*. Juz 5, h 92

<sup>6</sup> Al-Laahim Khalid bin Abdul Karim (1425H) *Mafatih Tadabbur wa al-Najah fi al-Hayat*. Maktabah Malik al-Fahd Riyadh

<sup>7</sup> Al-Qardhawi Yusuf 1998. *Kaifa Nata'amal Ma'al Quran*. Dar al-Syuruq

<sup>8</sup> Wahbah al-Zuhaili 2009. *al-Tafsir al-Munir fi al-Aqidah wa al-Syari'ah wa al-manhaj*. Dar al-Fikr Dimasyq. 2009: Jil 3, 176

dengannya. Seandainya seseorang mengabaikannya, maka dia akan memohon keampunan dan beristighfar kepada Allah. Apabila membaca ayat-ayat rahmat, dia akan bergembira dan berdoa. Apabila membaca ayat-ayat azab, dia akan merasa takut dan memohon perlindungan daripada-Nya<sup>9</sup>.

Kalimah *tadabbur* menurut pengertian istilah turut mempunyai pelbagai kupasan oleh para ulama. Menurut dapatan Nurul Zakirah kebanyakan takrifan ulama tafsir mengenai kalimah *tadabbur* menerangkan makna yang hampir serupa dan tiada perselisihan<sup>10</sup>.

Kesimpulannya *tadabbur* boleh dirumuskan sebagai membaca al-Quran yang disertai dengan penggunaan akal dan hati dalam memahami, menghayati dan memikirkan setiap ayat al-Quran dengan kefahaman terhadap maknanya. Seterusnya memberi refleksi terhadap diri pentadabbur al-Quran melalui perbuatan, sikap dan amalan dalam kehidupan seharian.

## **KEPENTINGAN TADABBUR AL-QURAN**

Tujuan *tadabbur* al-Quran adalah untuk menyedarkan atau menghidupkan hati yang sepatutnya membuah hasil sebagai tanda kepada khusyuk seperti bergetar hati, menangis, takut, iman semakin bertambah, mengharap dan lain-lain. Itulah tanda hidayah yang dicampakkan oleh Allah swt iaitu nur yang dengannya Allah swt memimpin manusia.

Membaca al-Quran suatu ibadah yang mulia dan mempunyai banyak kelebihan. Namun sekadar bacaan tanpa memahami isi dan penghayatan makna ia belum mencapai matlamat dan tujuan utama al-Quran diturunkan. Orang yang membaca al-Quran dituntut untuk *mentadabbur* dan memahaminya. Ini adalah tujuan utama Allah menurunkan al-Quran iaitu untuk *ditadabbur*<sup>11</sup>. Sebagaimana firman Allah:

---

<sup>9</sup> As-Suyuti 1996. *al-Itqan Fi Ulum al-Quran*. Muassasah al-Kutub al-Thaqafiah

<sup>10</sup> Nurul Zakirah Mat Sin, 2013: *Konsep Tadabbur : Suatu Kupasan*

<sup>11</sup> Sayyid Muhammad Alwi al-Maliki .Februari 2010: *Keistimewaan-keistimewaan al-Quran*. Terbitan Alam Raya Enterprise.

كُتِبَ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبْرَكٌ لِيَدَّبَّرُوا آيَاتِهِ وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُو الْأَلْبَابِ

Maksudnya: *Al-Quran ini adalah sebuah Kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu Wahai Muhammad), Kitab yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar*

(Saad 38:29)

Ayat ini menjadi dalil tentang kewajiban melakukan *tadabbur* terhadap al-Quran. Ayat ini menjelaskan bahawa al-Quran diturunkan untuk dihayati dan ditadabbur serta dijadikan sebagai pedoman dalam kehidupan setiap diri muslim yang beriman kepada Allah<sup>12</sup>. Kebahagiaan yang abadi adalah dengan mengikut dan mengamalkan al-Quran yang diturunkan oleh Allah s.w.t.

Maka dengan melakukan *tadabbur* al-Quran dapatlah diketahui dan difahami isi kandungannya untuk diambil pelajaran dan diamalkan di dalam kehidupan. Dalam masa yang sama, Allah mencela dan memperlekehkan orang yang tidak bertadabbur dengan al-Quran. Sebagaimana firman Allah swt:

أَفَلَا يَتَذَكَّرُونَ الْفُرْعَانَ أَمْ عَلَى قُلُوبٍ أَقْفَالُهَا

Maksudnya: *Setelah diterangkan yang demikian maka adakah mereka sengaja tidak berusaha memahami serta memikirkan isi Al-Quran? atau telah ada di atas hati mereka kunci penutup yang menghalangnya daripada menerima ajaran al-Quran ?*

(Surah Muhammad 47: 24)

Orang yang tidak melakukan *tadabbur* hati mereka seakan-akan telah terkunci untuk mendapat kebenaran, kerana tidak mengetahui kandungan al-Quran yang menjadi kewajiban mereka. Berkata Hassan al-Basri : Demi Allah, bukanlah *tadabbur* itu dengan menghafaz huruf-huruf al-Quran itu dan mencuaikan undang-undangnya sehingga ada yang berkata; “ Aku telah membaca al-Quran, tidak satupun hurufnya yang tertinggal.” Demi Allah, dia telah meninggalkan semuanya kerana tidak nampak

---

<sup>12</sup> Hasyim bin Ali al-Ahdal 2012. *Ta'lim tadabbur al-Quran al-Kareem Asalib Amaliyyah wa Marahil Manhajiyah*. Markaz ad-Dirasat wa al-Ma'lumat al-Quraniyyah. Bi Maahad al-Imam al-Syatibi.

sedikitpun kesan pengajaran al-Quran pada akhlak dan amalannya<sup>13</sup>. Allah berfirman dalam al-Quran sebagaimana berikut:

أَفَلَمْ يَدَّبَّرُوا الْقَوْلَ أَمْ جَاءَهُمْ مَا لَمْ يَأْتِ آبَاءَهُمُ الْأَوَّلِينَ

Maksudnya: “Maka adakah mereka melakukan yang demikian kerana mereka tidak dapat memahami kata-kata ajaran (yang disampaikan kepada mereka)? atau kerana telah datang kepada mereka sesuatu yang tidak pernah datang kepada datuk nenek mereka yang telah lalu?”

(al-Mukminun 23:68)

أَفَلَا يَتَدَّبَّرُونَ الْقُرْآنَ وَلَوْ كَانَ مِنْ عِنْدِ غَيْرِ اللَّهِ لَوَجَدُوا فِيهِ اخْتِلَافًا كَثِيرًا

Maksudnya: “Patutkah mereka (bersikap demikian), tidak mahu memikirkan isi Al-Quran? kalaulah Al-Quran itu (datangnya) bukan dari sisi Allah, nescaya mereka akan dapati perselisihan yang banyak di dalamnya.” (an-Nisa’47: 82)

Menerusi ayat tersebut dapat difahami ia adalah suatu kutukan terhadap diri orang yang membaca tanpa memahami dan menghayati isi al-Quran. Bahkan, ia suatu gesaan atas manusia agar membaca al-Quran dengan penuh penghayatan dan kefahaman<sup>14</sup>. Sayidina Ali bin Abi Thalib karamallahu wajhah mengingatkan bahawa:“ Tiada kebaikan dalam ibadah bagi yang tidak memahaminya, dan tiada kebaikan dalam membaca al-Quran bagi yang tidak *tadabbur* padanya”<sup>15</sup>. Menurut Hassan al-Basri pula:“ Sesungguhnya para sahabat memandang al-Quran sebagai surat daripada Tuhan mereka. Mereka bertadabbur dengannya pada waktu malam dan mengamalkan kandungannya pada siang harinya<sup>16</sup>.

<sup>13</sup> As-Sabuni 1999 .*Safwah al-Tafasir*. Darul Kutub al-Ilmiyyah. Beirut

<sup>14</sup> As-Syanqithi. *Tafsir adhwa’ul Bayan tafsiral-Quran dengan al-Quran* Cetakan Oktober 2010..Takhrij Syaikh Muhammad & AAbdul Aziz Al-Khalidi. Pustaka Azzam..

<sup>15</sup> Ad-Darimi Abu Muhammad Abdullah 2007.*Sunan al-Darimi*. Tahqiq Dr Mustafa Deib al-Bugha. Dar al-Mustafa Damsyiq. Jil 1,101.

<sup>16</sup> An-Nawawi , Abu Zakaria Yahya bin Syaraf al-Din 1992. *Al-Tibyan fi Adab Hamalah al-Quran*. Tahqiq: Basyir Muhammad ‘Uyun. Dimasyq: Maktabah Dar al-Bayan

Imam az-Zarkasyi mengatakan bahawa membaca Al-Quran tanpa *tadabbur* makruh hukumnya <sup>17</sup>. Sebagaimana diriwayatkan oleh Abdullah bin Amru dianggap tidak faham orang yang membaca al-Quran kurang dari 3 hari'. Ia dicela kerana telah mempercepatkan lafaz-lafaznya dan meninggalkan proses memahami isinya yakni *tadabbur* <sup>18</sup>.

Kenyataan tersebut dikukuhkan lagi oleh Imam an-Nawawi di dalam 'Syarah al-Muhazzab' dengan katanya: " Para ulama telah bermuafakat bahawa makruh melampui had dalam cepat membaca. Mereka juga berpendapat, pembacaan satu juzuk dengan cara tartil lebih afdhal daripada bacaan dua juzuk pada kadar zaman itu tanpa tartil. Para ulama juga berpendapat bahwa disunatkan membaca dengan *tartil* adalah untuk *ditadabbur*. Ia hampir kepada mengagungkan al-Quran dan penghormatan padanya, serta lebih memberi kesan yang kuat pada hati. *Tadabbur* ini juga disunatkan bagi orang 'ajam yang tidak memahami maknanya" <sup>19</sup>.

Oleh itu, arahan membaca al-Quran dengan *tartil* bukan setakat bacaan sahaja ,tetapi merangkumi dengan pemahaman dan penghayatan. Justeru, membaca al-Quran secara *tartil* membantu seseorang dalam mentadabbur al-Quran. Menyedari hal inilah, maka kita perlu berusaha bersungguh-sungguh untuk menggapai dahan *tadabbur*.

### **IMPLIKASI TADABBUR AL-QURAN DALAM MENINGKATKAN SPIRITUAL PEMBACA AL-QURAN**

Membaca al-Quran secara *bertadabbur* lebih bermanfaat bagi hati dan lebih pantas menghidupkan iman dan mengecapi kemanisan al-Quran. Hati yang hidup adalah hati yang mendapat kesan daripada bacaan al-Quran secara *bertadabbur*. Seseorang perlu memiliki jiwa dan hati yang teguh untuk meningkatkan dan membangunkan spiritual. Antara implikasi *tadabbur* al-Quran dalam meningkatkan spiritual pembaca al-Quran adalah:

---

<sup>17</sup> az-Zarkasyi 1972. *Al-Burhan Fii Ulumul Qur'an*. al-Maktabah al-Asriyyah, Beirut.

<sup>18</sup> Ad-Darimi Abu Muhammad Abdullah 2007. *Sunan al-Darimi*. Tahqiq Dr Mustafa Deib al-Bugha. Dar al-Mustafa Damsyiq. Jil 2,927.

<sup>19</sup> As-Suyuti 1996. *al-Itqan Fi Ulum al-Quran*. Muassasah al-Kutub al-Thaqafiah

## 1. Bersatunya Hati Dan Fikiran Ketika Membaca Al-Quran

Apabila seseorang membaca al-Quran secara bertadabbur, maka hati dan fikirannya akan bersatu dalam memikirkan makna dan kefahaman yang terkandung pada ayat tersebut. Sebagai contoh, seseorang akan berikrar dan berjanji setia kepada Allah untuk beriman dan mentaati-Nya ketika membaca ayat berikut:

ءَامَنَ الرَّسُولُ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ ۚ وَالْمُؤْمِنُونَ كُلٌّ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ ۚ لَا يُفَرِّقُونَ بَيْنَ أَحَدٍ مِّنْ رُّسُلِهِ ۚ وَقَالُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا ۚ غُفْرَانَكَ رَبَّنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ ﴿٢٨٥﴾

Maksudnya: “Rasulullah telah beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya dari Tuhannya, dan juga orang-orang yang beriman; semuanya beriman kepada Allah, dan Malaikat-malaikatNya, dan Kitab-kitabNya, dan Rasul-rasulNya. (Mereka berkata): “Kami tidak membezakan antara seorang dengan yang lain rasul-rasulnya”. mereka berkata lagi: Kami dengar dan Kami taat (Kami pohonkan) keampunanMu Wahai Tuhan kami, dan kepadamu jualah tempat kembali”.

(Surah al-Baqarah: 285)

## 2. Bertambahnya Iman kepada Allah

Apabila seseorang membaca al-Quran secara bertadabbur, iman dalam dirinya akan meningkat. Ini kerana dia dapat merasakan bahawa Allah sedang berbicara dengannya. Setiap ayat yang mengandungi hukum dapat dirasakan seolah-olah Allah memerintahkannya secara langsung. Begitulah juga sebaliknya. Keadaan ini dapat digambarkan menerusi firman Allah swt di dalam ayat berikut:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ اللَّهُ وَجِلَّتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ آيَاتُهُ زَادَتْهُمْ إِيمَانًا وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ ﴿٢٧٠﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu (yang sempurna imannya) ialah mereka yang apabila disebut nama Allah (dan sifatsifatnya) gementarlah hati mereka; dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayatNya, menjadikan mereka bertambah iman, dan kepada Tuhan mereka jualah mereka berserah”.

(Surah al-Anfal: 2)



### 3. Memperoleh Sifat Khusyuk Ketika Membaca Al-Quran

Apabila seseorang membaca al-Quran secara bertadabbur, hatinya akan menjadi tenang dan perasaan khusyuk akan timbul dalam dirinya. Al-Quran yang dibaca diselami maknanya secara tenang dan menerima segala peringatan dengan penuh penerimaan. Keadaan ini dapat digambarkan menerusi firman Allah swt di dalam ayat berikut:

وَالَّذِينَ إِذَا ذُكِّرُوا بِآيَاتِ رَبِّهِمْ لَمْ تَخْرُجُوا عَلَيْهَا صُمًّا وَعُمْيَانًا ﴿٧٣﴾

Maksudnya: “Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah orang-orang) yang apabila diberi peringatan dengan ayat-ayat keterangan Tuhan mereka, tidaklah mereka tunduk mendengarnya secara (sebagaimana) orang-orang yang pekak dan buta”.

(Surah al-Furqan: 73)

### 4. Menangis dan Mengalir air mata Kerana Takut Kepada Allah swt

Apabila seseorang membaca al-Quran secara bertadabbur, hatinya akan menjadi lembut dan mudah mengalirkan air mata terutamanya apabila membaca ayat-ayat berkaitan Hari Kiamat dan balasan neraka yang Allah perincikan keadaannya kepada golongan yang ingkar kepada perintah Allah. Keadaan ini dapat digambarkan menerusi firman Allah swt di dalam ayat berikut:

وَإِذَا سَمِعُوا مَا أُنزِلَ إِلَى الرَّسُولِ تَرَىٰ أَعْيُنُهُمْ تَفِيضُ مِنَ الدَّمْعِ مِمَّا عَرَفُوا مِنَ الْحَقِّ يَقُولُونَ رَبَّنَا ءَامَنَّا فَاكْتُبْنَا مَعَ الشَّاهِدِينَ ﴿٨٣﴾

Maksudnya: “Dan apabila mereka mendengar Al-Quran yang diturunkan kepada Rasulullah (Muhammad, s.a.w), kamu melihat mata mereka mencururkan air mata disebabkan apa yang mereka ketahui (melalui kitab mereka) dari kebenaran (Al-Quran), sambil mereka berkata: “Wahai Tuhan kami, kami beriman (kepada Nabi Muhammad dan Kitab Al-Quran), oleh itu tetapkanlah kami bersama-sama orang-orang yang menjadi saksi (yang mengakui kebenaran Nabi Muhammad s.a.w)”. (Surah al-Maidah: 83)

## 5. Gembira Dan Bahagia Dengan Janji-Janji Baik Daripada Allah Swt

Apabila seseorang membaca al-Quran secara bertadabbur, hati mereka akan bahagia terhibur dan gembira dengan setiap janji yang Allah sebutkan. Ini kerana janji yang disebutkan bukanlah kegembiraan yang sementara, bahkan ia merupakan kebahagiaan yang kekal abadi di dalam syurga Allah swt. Sebagai contoh, seseorang akan berasa terharu dan gembira apabila membaca ayat tersebut:

وَنَشِئِرِ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ أَنَّ هُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ كُلَّمَا رُزِقُوا مِنْهَا مِنْ ثَمَرَةٍ رِزْقًا قَالُوا هَذَا الَّذِي رُزِقْنَا مِنْ قَبْلُ وَأُتُوا بِهِ مُتَشَابِهًا وَلَهُمْ فِيهَا أَزْوَاجٌ مُطَهَّرَةٌ وَهُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٢٥﴾

Maksudnya: “Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang beriman dan beramal soleh, sesungguhnya mereka beroleh syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; tiap-tiap kali mereka diberikan satu pemberian dari sejenis buah-buahan syurga itu, mereka berkata: “Inilah yang telah diberikan kepada kami dahulu”; dan mereka diberikan rezeki itu yang sama rupanya (tetapi berlainan hakikatnya), dan disediakan untuk mereka Dalam syurga itu pasangan-pasangan, isteri-isteri yang sentiasa bersih suci, sedang mereka pula kekal di dalamnya selamanya”.

(Surah al-Baqarah: 25)

## 6. Menggigil Dan Gementar Kerana Takut Kepada Azab Dan Kemurkaan Allah

Apabila seseorang membaca al-Quran secara bertadabbur, hatinya akan bergetar dan berasa takut akan azab dan kemurkaan Allah. Kesan daripada perasaan itu, dia akan sentiasa berasa takut untuk melakukan apa jua yang dilarang Allah swt. Sebagai contoh, seseorang akan berasa takut untuk melakukan maksiat, kekufuran dan mendustakan ayat-ayat Allah apabila membaca ayat tersebut:

وَالَّذِينَ كَفَرُوا وَكَذَّبُوا بِآيَاتِنَا أُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٣٩﴾

Maksudnya: “Dan orang-orang kafir Yang mendustakan ayat-ayat keterangan kami, mereka itu ialah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya”.

(Surah al-Baqarah: 39)

## 7. Dikurniakan Hidayah Dan Petunjuk

Apabila seseorang membaca al-Quran secara bertadabbur, akan dikurniakan hidayah dan petunjuk dari Allah. Hatinya merendah diri kepada Allah dan sentiasa bersedia untuk sujud kepada Allah swt. Apabila ada ayat-ayat peringatan dan pengajaran mereka taat dan patuh. Keadaan ini dapat digambarkan menerusi firman Allah swt di dalam ayat berikut.

إِنَّمَا يُؤْمِنُ بِآيَاتِنَا الَّذِينَ إِذَا ذُكِّرُوا بِهَا خَرُّوا سُجَّدًا وَسَبَّحُوا بِحَمْدِ رَبِّهِمْ وَهُمْ لَا يَسْتَكْبِرُونَ



Maksudnya: “*Sesungguhnya yang benar-benar beriman kepada ayat-ayat keterangan Kami hanyalah orang-orang yang apabila diberi peringatan dan pengajaran dengan ayat-ayat itu, mereka segera merebahkan diri sambil sujud(menandakan taat dan patuh), dan menggerakkan lidah dengan bertasbih serta memuji Tuhan mereka, dan mereka pula tidak bersikap sombong takbur*”.

(Surah as-Sajadah:15)

## 8. Perasaan Tenang, Dan Rindu Terhadap Al-Quran.

Apabila seseorang membaca al-Quran secara bertadabbur, dia mampu untuk duduk bersama al-Quran tanpa merasa jemu dan bosan. Bahkan ketika terhalang untuk bermuamalah dengan al-Quran, hadir dalam dirinya perasaan rindu terhadapnya. Hati dan jiwanya akan menjadi tenang dan lapang kerana pada setiap ketika dia membaca al-Quran sebenarnya dia sedang mengingati Allah swt.

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ

Maksudnya: “*(Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah (mengingati Allah). Ketahuilah dengan “zikrullah” (mengingati Allah), tenang tenteramlah hati manusia*”.

(Surah al-Ra'd: 28)

Justeru, berdasarkan keterangan ayat-ayat al-Quran di atas menunjukkan bahawa implikasi *tadabbur* dalam meningkatkan spiritual pembaca al-Quran, dapat dicapai dengan akal,hati yang jernih dan ikhlas serta usaha yang bersungguh-sungguh

mengkaji al-Quran. Demikianlah kunci kejayaan kepada *tadabbur* adalah keikhlasan dan kesungguhan seseorang yang mendampingi Kalam Allah.

Kita seharusnya berusaha agar situasi tersebut berlaku dalam diri kita setiap kali membaca al-Quran secara bertadabbur dengan penuh penghayatan terhadap makna dan isi kandungannya. Barulah dengan demikian tercapainya maksud penurunan al-Quran sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah swt.

## HASIL TADABBUR AL-QURAN

Natijah yang diperolehi daripada amalan tadabbur ini, akan menghasilkan sifat taqwa dan meningkatkan keyakinan serta keimanan terhadap Allah swt. Pembaca al-Quran yang memahami ayat-ayat Allah dikurniakan hati yang bersih, tenang dan hidup bersama al-Quran. Al-Quran dan hati ibarat air dan pokok. Pokok tidak boleh hidup dan tumbuh tanpa air. Apabila hati menyelami makna ayat-ayat al-Quran, ia akan menghirup kesegaran. Allah Maha Tahu keperluan hati hamba-Nya. Allah mengulang-ulang ayat, mendatangkan tamsilan dan pelbagai penjelasan agar hati yang bertadabbur sentiasa hidup dan selalu bertaut dengan al-Quran. Firman Allah Taala:

وَإِذَا مَا أَنْزَلْنَا سُورَةً فَمِنْهُمْ مَنْ يَقُولُ أَيُّكُمْ زَادَتْهُ هَذِهِ إِيمَانًا فَأَمَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا فَزَادَتْهُمْ

إِيمَانًا وَهُمْ يَسْتَبْشِرُونَ ﴿١٢٤﴾

Maksudnya: *Dan apabila diturunkan sesuatu surah (dari Al-Quran) maka di antara mereka (yang munafik) ada yang bertanya (secara mengejek): "Siapakah di antara kamu yang imannya bertambah disebabkan oleh surah ini?" adapun orang-orang yang beriman, maka surah itu menambahkan iman mereka, sedang mereka bergembira.*

(al- Taubah 9:124 )

Iman seorang muslim akan bertambah apabila memahami, meyakini dan mengamalkan al-Quran, serta istiqamah dalam melakukan amal kebajikan. Al-Quran melapangkan dada dan mententeramkan hati mereka sehingga mendorong mereka dalam bersegera melakukan kebaikan dengan hati tenang dan bahagia. Sebaliknya

pula bagi golongan munafik. Hati mereka berpenyakit dan bertambah keraguan kerana berpaling dari memahami, bertadabbur dan menghayati al-Quran..

Maka dengan itu, hasil tadabbur al-Quran akan membentuk jiwa manusia untuk yakin dan beriman sepenuhnya kepada kalam Allah. Akal dan hati yang jernih memainkan peranan penting untuk merasai keindahan ayat-ayat suci dan pengaruhnya dalam jiwa, serta kehidupan manusia. Hati yang diberi peluang untuk meneliti dan merenung pengajaran dan ibrah yang disampaikan melalui ayat-ayat suci al-Quran pasti akan meninggalkan kesan dan impak yang positif terhadap diri dan spiritual pembaca al-Quran.

Perbezaan yang jelas dapat dirasakan setelah mentadabbur al-Quran adalah ketenangan dan kelapangan dalam berfikir, bertindak dan melaksanakan sesuatu. Selain itu, ia akan mendapat wawasan yang baru dari sebelumnya seperti ketenangan setelah mengalami kegelisahan dan memperolehi kemanisan iman kerana menghayati kandungan al-Quran.

## **KESIMPULAN**

Penghayatan al-Quran melalui usaha dan amalan *tadabbur* dengan penyertaan lidah, hati dan akal akan memberi implikasi dalam meningkatkan spiritual pembaca al-Quran serta membuahkan hasil ketenangan dan kesejahteraan dalam hidup. Maka seseorang itu akan mencapai tahap kesempurnaan dari sudut tindak tanduk dan amalan seharian. Apabila al-Quran terpahat di hati, maka setiap anggota tubuh badan mereka tunduk dan akur akan perintah dan larangan al-Quran. Bertepatan dengan tujuan utama penurunan al-Quran kepada manusia supaya al-Quran dibaca, diteliti difahami dan ditadaburi sepenuhnya. Natijahnya hati terpaut untuk terus menjaga dan mengamalkannya.

Melalui amalan *tadabbur* al-Quran juga, seseorang itu akan dapat mencapai kefahaman dan penghayatan ayat-ayat al-Quran yang dibacanya sehingga timbullah hubungan dan persentuhan di antara hatinya dengan kalamullah yang dibaca. Ini akan memberi impak pada hati dan spiritual pembaca tersebut. Maka akan lahirlah sifat-sifat mahmudah. Sifat-sifat ini akan memberi cahaya kepada kehidupan dan keperibadian seseorang.

Justeru itu kita mesti mengorak langkah ke arah mentadabburkan al-Quran agar sentiasa berdampingan dengan kitab al-Quran dan melaksanakan ajarannya. Apabila al-Quran difahami dan dihayati, iman umat Islam akan meningkat sekaligus membawa mereka kepada kecemerlangan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat.

## **RUJUKAN**

Al-Quranul Karim

Ad-Darimi Abu Muhammad Abdullah 2007. *Sunan al-Darimi*. Tahqiq DrMustafa

Deib al-Bugha. Dar al-Mustafa Damsyiq

Al-Imam al-Qurtubi 2003. *al- Jami' li Ahkam al-Quran* .Tahqiq Hisyam Sameer al-

Bukhari. Dar 'Alam al-Kutub Riyad

Al-Laahim Khalid bin Abdul Karim(1425H) *Mafatih Tadabbur wa al-Najah fi al-*

*Hayat*. Maktabah Malik al-Fahd Riyadh

Al-Mu'jam Al-Arabiy al-Muyassar: li Durus 1991

An-Nawawi , Abu Zakaria Yahya bin Syaraf al-Din (1992). *Al-Tibyan fi Adab*

*Hamalah al-Quran*. Tahqiq: Basyir Muhammad 'Uyun. Dimasyq: Maktabah

Dar al-Bayan

Al-Qardhawi Yusuf (1998) *Kaifa Nata'amal Ma'al Quran*.Dar al-Syuruq

As-Suyuti 1996. *al-Itqan Fi Ulum al-Quran*.Muassasah al-Kutub al-Thaqafiah

As-Sabuni 1999 .*Safwah al-Tafasir*. Darul Kutub al-Ilmiyyah. Beirut

Az-Zarkasyi ( 1972) *Al-Burhan Fii Ulumil Qur'an*. al-Maktabah al-Asriyyah, Beirut.

Dr Wahbah al-Zuhaili 2009. *al-Tafsir al-Munir fi al-Aqidah wa al-Syari'ah wa al-*

*manhaj* Dar al-Fikr Dimasyq.

Hasyim bin Ali al-Ahdal 2012. *Ta'lim tadabbur al-Quran al-Kareem Asalib*

*Amaliyyah wa Marahil Manhajiyah*. Markaz ad-Dirasat wa al-Ma'lumat al-

Quraniyyah. Bi Maahad al-Imam al-Syatibi.2012

Ibn Hajar al-‘Asqalani 1996. *Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari*. Dar al-Fikr  
Beirut Lebanon

Kamus Dwibahasa Oxford Fajar 2008. Edisi keempat (dikemaskini). Oxford Fajar  
Sdn. Bhd Mohd Yusuf Ahmad 2000: *Sejarah dan Kaedah Pendidikan al-  
Quran*. Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Nurul Zakirah Mat Sin, 2013: *Konsep Tadabbur : Suatu Kupasan*

Nurul Zakirah Mat Sin, 2014 : *Definisi Qawa'id Al-Tadabbur : Satu Analisis  
Perbandingan Dengan Qawa'id Al-Tafsir*.

Sayyid Muhammad Alwi al-Maliki 2010: *Keistimewaan-keistimewaan al-  
Quran*. Terbitan Alam Raya Enterprise. Februari 2010.

Syeikh As-Syanqithi. *Tafsir adhwa'ul Bayan tafsiral-Quran dengan al-Quran* .  
Takhrij Syaikh Muhammad & A Abdul Aziz Al-Khalidi. Pustaka  
Azzam. Cetakan Oktober 2010